



KENYATAAN MEDIA
ZAIRULSHAHFUDDIN ZAINAL ABIDIN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, ISLAMIC RELIEF MALAYSIA
16 FEBRUARI 2017

ISLAMIC RELIEF MALAYSIA & TM LANCAR PROJEK RUMAH BESAR

Kuala Lumpur, 16 Feb. 2017 – Islamic Relief Malaysia (IRM) dengan kerjasama Telekom Malaysia Berhad (TM) hari ini melancarkan Projek Rumah Besar bagi memberi peluang kepada pelajar Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) untuk menimba ilmu kemahiran baru.

Bertempat di Dewan Besar SJK, majlis pelancaran itu telah disempurnakan oleh Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob, Pengurus TM bersama Tn. Hj. Zairulshafuddin Zainal Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif IRM dan Zaid Al-Rawni, Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Canada.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Zulkernai Fauzi, Pengetua SJK dan Izlyn Ramli, Naib Presiden, Jenama & Komunikasi TM.

Projek pembangunan komuniti golongan gelandangan ini mula diperkenalkan oleh IRM pada penghujung tahun 2016 dengan memberi penekanan terhadap pembangunan kemahiran multimedia.

Ini adalah berdasarkan daripada kaji selidik yang dibuat melalui beberapa program bersama golongan tersebut.

“IRM memandang serius terhadap aspek pendidikan kanak-kanak di negara ini. Ini disebabkan kerana pendidikan adalah hak milik setiap insan. Dengan cabaran teknologi pada zaman kini, amat penting bagi pelajar-pelajar ini mempunyai ilmu terhadap kemahiran multimedia agar lebih berdaya saing,” kata Zairulshafuddin.

Projek Rumah Besar

IRM telah bekerjasama dengan TM untuk menjayakan program ini bagi membangunkan potensi pelajar terutamanya dalam kemahiran fotografi dan videografi, dengan harapan agar manfaat yang diperolehi dapat membuka peluang kerjaya dan perniagaan di masa hadapan.

Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob berkata: “Inisiatif ini adalah usaha pihak Syarikat dalam memberi kembali kepada kumpulan masyarakat yang memerlukan dengan menyediakan platform pendidikan kepada mereka agar pelajar-pelajar ini mempunyai asas dan kemahiran dalam bidang pendidikan terutamanya bidang komputer dan teknikal. Program ini disasarkan kepada mewujudkan kesedaran kepentingan pencapaian akademik dan bidang kemahiran bagi memberi mereka peluang untuk menikmati masa depan yang lebih baik.”

“Program ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan inisiatif Tanggungjawab Korporat TM yang berlandaskan pendekatan kepada aspek pendidikan dan ini merupakan satu daripada tiga aspek yang ditekankan selain daripada Pembinaan Masyarakat dan Negara serta Alam Sekitar.” Melihat kepada kepentingan sektor pendidikan, IRM mengambil inisiatif untuk melaksanakan projek ini bagi tujuan menggilap bakat 20 orang pelajar SBJK untuk menguasai teknologi multimedia.

Di bawah projek ini, dua kelas kemahiran disediakan iaitu fotografi dan videografi. Kelas ini diadakan setiap hari Selasa bermula dari jam 2 petang hingga 4 petang.

Dua orang tenaga pengajar profesional telah dipilih untuk mengajar kelas-kelas kemahiran tersebut di mana setiap kelas terdiri daripada 10 orang pelajar.

Pelajar-pelajar ini akan mengikuti kelas selama tiga bulan untuk setiap semester sebelum satu pameran seni diadakan bagi mengumpul hasil pembelajaran mereka.

Melalui projek ini, IRM berhasrat untuk mewujudkan sebuah produksi Rumah Besar yang mampu menghasilkan filem pendek dan bahan-bahan cetak seperti risalah, poster, majalah dan lain-lain.

Projek ini dilihat dapat menjadi perintis kepada program-program lain yang boleh dilaksanakan bersama dengan golongan yang terlibat. Ini sekaligus dapat menyediakan mereka bagi menghadapi masa hadapan yang lebih cerah.

Mengenai SBJK

SBJK merupakan inisiatif Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) terhadap keperluan meneruskan usaha memberikan akses pendidikan kepada kanak-kanak dan remaja jalanan di sekitar Kuala Lumpur berumur dari 4 hingga 19 tahun.

Penubuhan sekolah ini adalah selari dengan piagam United Nations Convention on the Right of the Child (UNCRC) dan konsep Education for All oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO).

SBJK mula beroperasi sejak 19 Ogos 2013 berdasarkan pelaksanaan pendidikan alternatif. Antara objektif penubuhan; menyediakan akses pendidikan formal dalam persekitaran kondusif bagi kanak-kanak jalanan dan terpinggir, mengurangkan kadar kecinciran dalam kalangan penduduk Malaysia, memberi peluang membentuk laluan kerjaya kepada kanak-kanak jalanan dan terpinggir, membina insan berilmu, berkemahiran dan boleh berdikari.

IRM sebelum ini telah mendapat kerjasama SBJK untuk melaksanakan beberapa program seperti pemeriksaan kesihatan, aktiviti psikososial – Berjaya Raya serta penyerahan sumbangan pek makanan.

Mengenai IRM dan IR

Diasaskan di United Kingdom pada tahun 1984, Islamic Relief Worldwide (IR) adalah sebuah organisasi bantuan dan pembangunan amal antarabangsa yang bebas dan bukan berpaksikan politik. IR diiktiraf sebagai sebuah badan bukan kerajaan dengan status perundingan khas sejak tahun 1993 oleh Majlis Ekonomi & Sosial PBB (UNECOSOC). Selama bertahun-tahun, IR telah mengembangkan mandatnya untuk menyediakan bantuan kemanusiaan dalam pelbagai bidang termasuk bantuan kecemasan, pembangunan mampan social bersepadu (termasuk perubatan, pembangunan komuniti, pendidikan, kehidupan, tempat tinggal, psikososial) dan pengurangan risiko bencana. Kami berdedikasi untuk mengurangkan penderitaan rakyat termiskin di dunia. IR memberi bantuan dalam fasa kecemasan yang melibatkan bencana alam atau bencana buatan manusia melalui kerjasama dengan masyarakat setempat, sukarelawan, rakan kerjasama dan para

penderma. Kami membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira kaum, agama, jantina atau kefahaman politik tanpa mengharapkan sebarang balasan.

Sehingga kini, IR telah berkhidmat di lebih 40 buah negara. Sejak 1984, IR telah mempunyai rangkaian tetap di lebih 35 buah Negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia yang bertanggungjawab untuk menyelaras, menjana dana dan melaksanakan program-program IR.

YABhg Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan penubuhan IRM pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penjanaan dana (bagi projek antarabangsa & tempatan) dan pelaksana projek tempatan.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu www.islamic-relief.org.my atau menghubungi pihak IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704

CIMB ISLAMIC | 860 2073818

BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3

AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4

BANK RAKYAT | 11080 10000 35

atau melalui :

CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT
MOBILE APPS | IR Malaysia

Ir Hj Zairulshahfuddin Zainal Abidin
Ketua Pegawai Eksekutif, Islamic Relief Malaysia

- Tamat -

Dikeluarkan oleh,
Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W
A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,
Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Sis Zafirah
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau
emel: Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my